

Matlamat pendidikan negara

# Peribadi mulia

87 - 9 JUN 1990

# lebih utama

Oleh WAN HAMIDI HAMID

**KUALA LUMPUR, Jumaat — Pendidikan yang bertujuan membentuk peribadi mulia lebih penting daripada ilmu kerana ia dapat menghalang penyalahgunaan ilmu untuk tujuan jenayah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,**

Beliau berkata, dalam masyarakat sekarang, penyalahgunaan ilmu oleh golongan yang berpengetahuan semakin meluas.

"Sebab itulah senjata kejam dicipta dan jenayah yang besar dilakukan oleh orang yang terpelajar. Sebab itulah juga penipuan berlaku dalam perniagaan dan perusahaan," katanya berucap melancarkan Hari Guru 1990 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Menurutnya, ramai orang memperoleh kedudukan yang tinggi melalui 'kepandaian' mereka menipu.

"Kita meletakkan sesetengah orang menjadi pengurus dan mentadbir bank kerana mereka berpengetahuan tetapi mereka menipu. Jadi, apa guna orang seperti itu kepada masyarakat," ujarnya.

Menurutnya, keadaan ideal dapat diwujudkan melalui pendidikan masyarakat yang sopan dan mulia serta mempunyai cukup ilmu pengetahuan untuk memajukan diri sendiri dan masyarakat.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir menegur masyarakat Malaysia yang tidak menganggap didikan membentuk peribadi mulia sama penting atau lebih penting daripada ijazah keilmuan.

"Masanya sudah tiba untuk menentukan keutamaan kita dan kita tekankan latihan kerohanian yang sesuai dengan zaman, bersama-sama dengan didikan dalam bidang ilmu yang juga sesuai dengan pembangunan bangsa dan negara," katanya.

Menurutnya, jika masyarakat yakin bahawa peribadi mulia adalah penting dalam menentukan kejayaan dan kebahagiaan, guru patut diberi tugas utama untuk menyebarkan nilai-nilai itu kepada angkatan muda.

Mengenai sistem pendidikan negara, Perdana Menteri berkata, kerajaan menyediakan benteng, iaitu kuasa politik untuk menghadapi persaingan dalam masyarakat.

Bagaimanapun, katanya, kuasa politik tidak boleh diharapkan kekal di tangan pihak yang bertanggungjawab.

"Ahli politik yang inginkan sesuatu untuk diri sendiri boleh membelakangkan kepentingan masyarakat. Kitol dan Raja Mendaliar ada di mana-mana sahaja sepanjang zaman," katanya.

Sehubungan itu, menurutnya, ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan keadaan semasa penting bagi melindungi dan menjayakan masyarakat.

Mengenai tema Hari Guru 'Pendidikan Bermutu Masyarakat Sejahtera', Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, pendidikan bermutu bukan bermakna jenis ilmu tetapi penyampaian ilmu secara berkesan.

"Yang penting sekali untuk mengadakan didikan bermutu ialah dedikasi dan semangat guru sendiri yang sanggup menepikan soal lain, termasuk soal peribadi sewaktu mengajar.

"Tumpuan pelajar kepada pelajaran akan terpesong jika faktor lain mengganggu guru. Justeru itu, untuk mewujudkan pendidikan bermutu, guru harus mengasingkan faktor lain daripada fikiran mereka sewaktu mengajar," ujarnya.

Perdana Menteri menjelaskan, hanya guru yang teguh peribadi dan berdisiplin boleh mencapai ketinggian mutu pendidikan, bukan sahaja membentuk masyarakat bahagia tetapi juga menguntungkan guru sendiri.